

26 JUN 1996

DR MAHATHIR LAWAT JOHOR 4 DAN 5 JULAI

JOHOR BA HARU, 26 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan dua hari ke Johor mulai 4 Julai.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman berkata Perdana Menteri dan isteri dijangka tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail, Senai pukul 5 petang 4 Julai.

Dr Mahathir kemudian diraikan pada jamuan teh manakala pada sebelah malamnya beliau akan menghadiri jamuan di kediaman rasmi Menteri Besar, Saujana bersama kira-kira 4,000 orang.

Pada pagi 5 Julai, Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO, akan mengadakan perjumpaan dengan Badan Perhubungan UMNO Johor.

Selepas itu beliau akan menghadiri taklimat mengenai pembangunan negeri di Bangunan Sultan Ibrahim di Bukit Timbalan.

Pada pukul 11 pagi, Dr Mahathir akan merasmikan kerja pembinaan kompleks perniagaan Kota Terapung di Selat Tebrau yang dimajukan oleh Johor Coastal Development Sdn Bhd, anak syarikat Pilecon Engineering Bhd.

Projek Kota Terapung itu dianggarkan berharga RM4,000 juta yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan, ruang perniagaan dan hotel dan dijangka siap dalam tempoh 15 tahun.

Selepas itu, Dr Mahathir akan berlepas ke daerah Pontian dan bersembahyang Jumaat di Masjid Kampung Tampok, Benut sebelum melawat projek pembinaan jalan kampung yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri.

Beliau kemudian akan melancarkan program gerak mesra peringkat negeri.

-- BERNAMA

MKO NMO